

TARIKH	20 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	3	RUANGAN	Dlm Negeri

Agong, Permaisuri selamat tiba di Madinah

MADINAH 19 Okt. - Yang di-Per-tuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah selamat tiba di Lapangan Terbang Putera Mohamed Abdul Aziz, Madinah kira kira pukul 3.10 pe-tang waktu tempatan (8.10 malam waktu Malaysia).

Ketibaan Seri Paduka berdua tu-rut diiring Tunku Temenggong Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah bersama Toh Puan Temenggong Kedah, Puan Sri Tengku Maliha Tengku Ariff;

Tunku Panglima Besar Kedah, Datuk Seri Tunku Puteri Intan Sha-finaz Sultan Abdul Halim dan Da-tuk Seri Tunku Soraya Sultan Abdul Halim serta Datuk Seri Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah.

Rombongan Seri Paduka disam-but oleh Menteri di Jabatan Per-dana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Putera Abdulaziz Majed Abdulaziz dan Duta Besar Malaysia

ke Arab Saudi, Prof. Datuk Syed Omar Al-Saggaf, Pengerusi Lem-baga Tabung Haji (TH), Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor serta Pengarah Urusan dan Ketua Pe-gawai Eksekutif TH, Datuk Paduka Ismee Ismail.

Seri Paduka berdua serta rom-bongan akan menziarahi makam Rasullulah S.A.W dan bersolat di Raudah, Masjid Nabawi hari ini se-lepas solat isyak.

Seri Paduka akan berlepas ke Jeddah untuk memasuki kota Me-kah bagi menunaikan umrah esok.

Pada hari Isnin, Seri Paduka di-jadualkan mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Tabung Haji di Bangu-nan Abraj Al Janadariah di Mekah untuk meluangkan masa bertemu jemaah haji Malaysia yang meng-inap di bangunan tersebut.

Seri Paduka akan berwukuf pada hari Khamis ini bersama tiga juta umat Islam dari seluruh dunia yang menunaikan haji pada tahun ini.



TUANKU Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Tuanku Hajah Haminah disambut oleh Gabenor Madinah, Putera Abdulaziz Majed Abdulaziz di Lapangan Terbang Putera Mohamed Abdul Aziz, Madinah, semalam.